

13 NOV 2001

Maghribi-Sambutan

PM MAGHRIBI DIBERI SAMBUTAN RASMI

PUTRAJAYA, 13 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Maghribi Abderrahmane El Youssoufi, yang dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Malaysia diberikan sambutan rasmi di Dataran Putra di sini pagi ini.

Ketibaan beliau bersama isterinya Helene Youssoufi disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Abderrahmane, yang tiba semalam bersama rombongan seramai 36 orang diberikan tabik hormat oleh pasukan kawalan kehormatan dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) dari Kem Sungai Besi.

Pasukan itu yang diketuai oleh Mejar Abdul Samah Md Noh dianggotai oleh 103 orang dan tiga pegawai.

Abderrahmane dan Dr Mahathir serta Menteri-menteri dan pegawai tinggi kerajaan kedua-dua buah negara kemudian mengadakan mesyuarat tertutup selama setengah jam sebelum mesyuarat antara delegasi diadakan.

Antara yang hadir pada mesyuarat tertutup adalah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Zainal Dahalan, yang juga Menteri Pengiring.

Antara wakil pihak Maghribi ialah Menteri Pengangkutan dan Perdagangan Laut, Abdesslam Znined; Setiausaha Negara di Jabatan Perdana Menteri bagi hal ehwal Pos, Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat, Nasr Hajji dan Setiausaha Negara bagi hal ehwal Perdagangan Luar, Abdelkrim Benatiq.

-- BERNAMA

HK AFY MOZ